

## HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Sila baca Helaiian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil PEMBIAYAAN INVOIS-i (IF-i) Maybank Islamic. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat-syarat am.

Nama Produk:

PEMBIAYAAN INVOIS-i (INVOICE FINANCING-i atau IF-i)

Tarikh:

[Tarikh dikeluarkan kepada pelanggan untuk diisi oleh Kakitangan Jualan]

### 1. APAKAH PRODUK INI?

PEMBIAYAAN INVOIS-i ("IF-i") IALAH KEMUDAHAN PEMBIAYAAN JANGKA PENDEK UNTUK PELANGGAN PERUSAHAAN KECIL & SEDERHANA (PKS) DAN KOMERSIAL.

KEMUDAHAN INI ADALAH UNTUK PEMBIAYAAN BARANG IMPORT DAN EKSPORT YANG DIBENARKAN OLEH SYARIAH. IF-I DIKELASKAN DI BAWAH ASAS AKAUN TERBUKA YANG MERUPAKAN SALAH SATU CARA PEMBAYARAN/PENYELESAIAN SELAIN KREDIT BERDOKUMEN DAN KUTIPAN BERDOKUMEN.

### 2. APAKAH KONTRAK SYARIAH YANG DIGUNA PAKAI?

KONTRAK SYARIAH YANG DIGUNAKAN IALAH MURABAHAH MELALUI KOMODITI MURABAHAH/TAWARRUQ. IA ADALAH SUATU KAEDAH JUALAN DENGAN HARGA YANG DINAikkan (MARK-UP) DI MANA PELANGGAN MEMBAYAR HARGA DALAM TEMPOH MASA YANG DIPERSETUJUI. ASSET PENDASAR UNTUK TRANSAKSI JUALAN ANTARA PELANGGAN DAN BANK MERUPAKAN KOMODITI PATUH SYARIAH TERTENTU YANG BOLEH DIPERDAGANGKAN. BERIKUT ADALAH PROSEDUR UNTUK PEMBERIAN HAD KEMUDAHAN KEPADA PELANGGAN:-

- i. MENGIKUT PEMBIAYAAN DI BAWAH KOMODITI MURABAHAH, BANK MEMBELI KOMODITI PATUH SYARIAH TERTENTU DARIPADA PIHAK KETIGA (PENIAGA KOMODITI 1).
- ii. BANK KEMUDIANNYA MENJUAL KOMODITI TERSEBUT KEPADA PELANGGAN DENGAN HARGA JUALAN BANK YANG TERDIRI DARIPADA JUMLAH KEMUDAHAN DITAMBAH DENGAN MARGIN KEUNTUNGAN YANG PERLU DIBAYAR ATAS BAYARAN TERTANGGUH DALAM TEMPOH YANG DIPERSETUJUI.
- iii. PELANGGAN KEMUDIANNYA MELANTIK BANK SEBAGAI EJENNYA UNTUK MELAKUKAN TRANSAKSI JUALAN KOMODITI KEPADA PIHAK KETIGA SECARA TUNAI.
- iv. BANK YANG BERTINDAK SEBAGAI EJEN KEPADA PELANGGAN KEMUDIANNYA MENJUAL KOMODITI TERSEBUT KEPADA PIHAK KETIGA (PENIAGA KOMODITI 2) PADA HARGA YANG BERSAMAAN DENGAN JUMLAH ATAU HAD FASILITI.
- v. HASIL JUALAN KOMODITI AKAN DISERAHKAN KEPADA PELANGGAN MELALUI PENEMPATAN HAD KEMUDAHAN UNTUK KEGUNAAN OLEH PELANGGAN.

UNTUK TUJUAN PERDAGANGAN MURABAHAH KOMODITI, BANK PADA SETIAP MASA AKAN MENJADI EJEN BUKAN EKSKLUSIF ANDA UNTUK MENJALANKAN TRANSAKSI MUDARABAH KOMODITI YANG DIPERLUKAN YANG BERKAITAN DENGAN KEMUDAHAN.

### 3. APAKAH YANG SAYA DAPAT DARIPADA PRODUK INI?

▪ JUMLAH KEMUDAHAN	JUMLAH FASILITI YANG DILULUSKAN OLEH BANK BERDASARKAN PENILAIAN KREDIT BANK
▪ MARGIN PEMBIAYAAN	SEHINGGA 100% NILAI INVOIS
▪ TEMPOH MAKSIMUM YANG DIBENARKAN	MAKSIMUM 6 BULAN TETAPI TERTAKLUK KEPADA KITARAN PERDAGANGAN BIASA PELANGGAN DAN TEMPOH KREDIT INVOIS YANG DIBIYAI.
▪ TEMPOH FASILITI	SEHINGGA LIMA (5) TAHUN, DAN SELEPAS DIPERBAHARUI OLEH BANK

<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ HARGA</li> </ul>	<p>1) <u>UNTUK PENGIRAAN HARGA JUALAN BANK</u> BFR (KADAR PEMBIAYAAN BANK) + 4 ATAU 10% SETIAP TAHUN YANG MANA LEBIH TINGGI</p> <p>NOTA: INI ADALAH UNTUK MEMBOLEHKAN PENGIRAAN HARGA JUALAN BANK.</p> <p>BAGI PELANGGAN BB/CB DENGAN KEMUDAHAN ALIRAN TUNAI-I, KADAR KEUNTUNGAN IF-I MUNGKIN DITETAPKAN PADA 15 BPS DI BAWAH KADAR ALIRAN TUNAI MEREKA.</p> <p>2) <u>KADAR KEUNTUNGAN EFKTIF</u> AKAN DITENTUKAN OLEH BANK</p> <p>KONTRAK PENJUALAN ASET BAHARU PERLU DILAKSANAKAN SEKIRANYA PEMBIAYAAN PERLU DILANJUTKAN SELEPAS TAMAT TEMPOH FASILITI YANG DIPERSETUJUI, CTH. 5 TAHUN</p>
<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ KADAR PEMBIAYAAN ASAS</li> </ul>	KOS DANA ( <i>COST OF FUND</i> ) SETAHUN
<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ KONTRAK ISLAM</li> </ul>	TAWARRUQ MELALUI KOMODITI MURABAHAH

#### 4. APAKAH KEWAJIPAN SAYA?

##### PEMBAYARAN JUMLAH FASILITI YANG DIGUNAKAN DAN KEUNTUNGAN BANK

JUMLAH FASILITI YANG DIGUNAKAN DAN KEUNTUNGAN BANK AKAN DIBUAT SECARA PENUH PADA TARIKH MATANG. KEUNTUNGAN BANK AKAN DIKIRA SETIAP HARI BERDASARKAN TEMPOH KEMUDAHAN, KADAR KEUNTUNGAN EFEKTIF SEMASA DAN JUMLAH YANG DIGUNAKAN.

##### CONTOH ILUSTRASI

HARGA : COF + 1.0% SETAHUN  
 JUMLAH KEMUDAHAN : RM1 JUTA  
 TEMPOH MAKSIMUM YANG DIBENARKAN : 6 BULAN / 180 HARI  
 JUMLAH KEMUDAHAN YANG DIGUNAKAN : RM 100,000.00

KADAR	HARI INI (COF = 4.15%) CTH. 4.15% + 1% = 5.15%	JIKA COF NAIK 1% CTH. 5.15% + 1% = 6.15%	JIKA COF NAIK 2% CTH. 6.15% + 1% = 7.15%
PENGUNAAN	RM100,000.00	RM 100,000.00	RM 100,000.00
JUMLAH KOS KEUNTUNGAN UNTUK 6 BULAN	RM 2,539.73	RM 3,032.88	RM 3,526.03
JUMLAH AMAUN BAYARAN	RM102,539.73	RM 103,032.88	RM 103,526.03

**NOTA:** \*JUMLAH AMAUN BAYARAN MUNGKIN BERUBAH MENGIKUT PERUBAHAN DALAM COF. NAMUN, JUMLAH AMAUN BAYARAN TIDAK AKAN MELEBIHI HARGA JUALAN BANK.

**5. APAKAH FI DAN CAJ YANG PERLU SAYA BAYAR?**

▪ DUTI SETEM	MENURUT AKTA SETEM 1949 (SEMAKAN 1989)
▪ FI PERDAGANGAN	YURAN PERDAGANGAN SEBANYAK RM15 SETIAP RM1.0 JUTA JUMLAH KEMUDAHAN UNTUK JUALAN DAN PEMBELIAN KOMODITI AKAN DIKENAKAN DAN AKAN DIBAYAR OLEH PELANGGAN SEBELUM PEMBAYARAN KEMUDAHAN, KECUALI DIKETEPIKAN OLEH BANK.
▪ FI DAN CAJ LAIN	SEMUA KOS DAN PERBELANJAAN LAIN, CONTOH: YURAN GUAMAN DAN CAJ LAIN YANG DITANGGUNG DALAM PENYEDIAAN SEMUA DOKUMEN YANG LENGKAP DAN KESEMPURNAAN DOKUMEN SEKURITI BANK
▪ FI PENGENDALIAN	RM 50 BAGI SETIAP TRANSAKSI
▪ CUKAI JUALAN DAN BARANGAN (GST)	GST AKAN DIKENAKAN KE ATAS SEMUA FI/CAJ OLEH BANK KEPADA PELANGGAN MULAI 1 APRIL 2015 DAN PELANGGAN BERSETUJU UNTUK MEMBAYAR BANK AMAUN GST SEPERTIMANA DAN APABILA DIMAKLUMKAN OLEH BANK.

**6. BAGAIMANAKAH JIKA SAYA GAGAL MENUNAIKAN KEWAJIPAN SAYA?**

▪ CAJ BAYARAN LEWAT (LPC)	<p>A. BANK BERHAK DIBERIKAN PAMPASAN KE ATAS BAYARAN LEWAT DAN/ATAU TERTINGGAL BERDASARKAN MEKANISME BERIKUT:-</p> <p>I. <u>MELEBIHI TEMPOH (LEBIHAN)</u>            ATAS KEGAGALAN MEMBAYAR SEBARANG ANSURAN ATAU SEBARANG BAYARAN TERHUTANG MULAI TARIKH PEMBAYARAN PERTAMA KEMUDAHAN SEHINGGA TAMAT TEMPOH ATAU TARIKH KEMATANGAN, JUMLAH LPC BERSAMAAN DENGAN SATU PERATUS (1%) SETAHUN BAGI SEBARANG ANSURAN/BAYARAN TERTUNGGAK ATAU APA-APA KAEDAH LAIN YANG DILULUSKAN OLEH BANK NEGARA MALAYSIA (BNM).</p> <p>II. <u>SELEPAS MATANG / PENGHAKIMAN (MANA YANG LEBIH AWAL)</u>            LPC PADA KADAR SEMALAMAN PASARAN WANG ANTARA BANK ISLAM HARIAN SEMASA (IIMM) TERHADAP BAKI TERTUNGGAK TERHUTANG DAN PERLU DIBAYAR ATAU MANA-MANA KAEDAH LAIN YANG DILULUSKAN OLEH BANK NEGARA MALAYSIA DARI SEMASA KE SEMASA.</p> <p>B. NAMUN, JUMLAH LPC YANG DIKENAKAN KEPADA PELANGGAN TIDAK AKAN DIKOMPANAKAN LAGI.</p> <p>NOTA: TINDAKAN UNDANG-UNDANG AKAN DIMULAKAN JIKA ANDA GAGAL MEMBALAS NOTIS PERINGATAN.</p>
▪ HAK UNTUK PENOLAKAN JUMLAH HUTANG (SET-OFF)	BANK BOLEH MEMBERI NOTIS KEPADA ANDA DAN MENGGABUNGAN, MENGKONSOLIDASIKAN ATAU MENYATUKAN SEMUA ATAU MANA-MANA AKAUN ANDA DAN LIABILITI KEPADA BANK DAN BOLEH MENOLAK (SET-OFF) ATAU MEMINDAHKAN SEBARANG JUMLAH TERTUNGGAK KEPADA KREDIT MANA-MANA AKAUN TERSEBUT DALAM ATAU KEPADA MEMENUHI MANA-MANA LIABILITI KEPADA BANK DI BAWAH FASILITI.

**7. BAGAIMANAKAH JIKA SAYA MENYELESAIKAN PEMBIAYAAN SEPENUHNYA SEBELUM MATANG?**

TEMPOH <i>LOCK IN</i>	TIADA
FI PENYELESAIAN AWAL	TIADA

**REBAT**

BANK AKAN MEMBERIKAN REBAT (IBRA') KEPADA ANDA UNTUK SEBARANG KEMUDAHAN BERASASKAN JUALAN TETAPI TIDAK TERHAD KEPADA PERISTIWA-PERISTIWA BERIKUT:

- (a) PENYELESAIAN AWAL ATAU PENEBUSAN AWAL, TERMASUK YANG TIMBUL DARIPADA PRABAYARAN;
- (b) JIKA ANSURAN BULANAN BERMULA AWAL SEBELUM TAMAT TEMPOH TANGGUH UNTUNG (UNTUK HARTANAH DALAM PEMBINAAN); DAN SEKIRANYA KADAR KEUNTUNGAN EFEKTIF ADALAH LEBIH RENDAH DARIPADA KADAR KEUNTUNGAN SILING.
- (c) SEKIRANYA AMAUN SEBENAR YANG DIBAYAR ADALAH KURANG DARIPADA AMAUN FASILITI

BAGI MENGELAKKAN KERAGUAN, ADALAH DENGAN INI DIAKUI DAN DIPERSETUJUI BAHAWA REBAT YANG DIRUJUK DI SINI TIDAK AKAN DITAFSIRKAN DALAM APA PUN CARA DI MANA REBAT TUNAI AKAN DIBAYAR KEPADA ANDA, TETAPI AKAN DIGAMBARAKAN SEBAGAI PENGURANGAN DALAM UNSUR KEUNTUNGAN HARGA JUALAN BANK. REBAT HANYA AKAN DIANGGAP DIBERI SETELAH MENERIMA JUMLAH PENYELESAIAN/PENEBUSAN SEPERTI YANG DITETAPKAN OLEH BANK BERDASARKAN FORMULA BERIKUT:

HARGA JUALAN BANK TERTUNGGAK	TOLAK	AMAUN FASILITI TERTUNGGAK	TOLAK	AMAUN LAIN YANG PERLU DIBAYAR KEPADA BANK
------------------------------------	-------	---------------------------------	-------	---

UNTUK ILUSTRASI LANJUT REBAT, SILA RUJUK ARTIKEL "GARIS PANDUAN BANK NEGARA MALAYSIA BERKENAAN DENGAN IBRA' (REBAT) UNTUK PEMBIAYAAN BERASASKAN JUALAN" DI LAMAN WEB [WWW.MAYBANK2U.COM.MY](http://WWW.MAYBANK2U.COM.MY).

**8. ADAKAH SAYA PERLUKAN SEBARANG PERLINDUNGAN TAKAFUL?**

TIDAK BERKENAAN.

**9. APAKAH RISIKO UTAMA?**

- A) JIKA ANDA GAGAL MENYELESAIKAN IF-I YANG MATANG, ANDA TIDAK DIBENARKAN UNTUK MEMANFAATKAN LAGI KEMUDAHAN DAN PROSES PEMULIHAN TERMASUK PROSES UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA UNTUK MEMULIH JUMLAH TERHUTANG.
- B) SILA AMBIL MAKLUM BAHAWA KADAR KEUNTUNGAN EFEKTIF AKAN BERUBAH MENGIKUT PERUBAHAN DALAM BFR. PENINGKATAN DALAM KADAR KEUNTUNGAN EFEKTIF MUNGKIN MENGAKIBATKAN JUMLAH BAYARAN BULANAN YANG LEBIH TINGGI.

JIKA ANDA MENGHADAPI MASALAH DALAM MEMENUHI KEWAJIPAN PEMBAYARAN ANDA, SILA HUBUNGI KAMI DENGAN SEGERA UNTUK MEMBINCANGKAN ALTERNATIF PEMBAYARAN.

**10. APAKAH YANG PERLU SAYA LAKUKAN JIKA TERDAPAT PERUBAHAN PADA BUTIR-BUTIR HUBUNGAN SAYA?**

ADALAH PENTING UNTUK ANDA MEMAKLUMKAN SEBARANG PERUBAHAN DALAM BUTIR-BUTIR HUBUNGAN ANDA UNTUK MEMASTIKAN SEMUA SURAT-MENYURAT SAMPAI KEPADA ANDA TEPAT PADA MASANYA. UNTUK MENGEMASKINI BUTIRAN HUBUNGAN ANDA, ANDA BOLEH MEMAKLUMKAN KEPADA KAMI SECARA BERTULIS ATAU MENGHUBUNGI KAMI MELALUI SALAH SATU SALURAN, CTH: M2U ATAU CAWANGAN ASAL.

**11. BAGAIMANAKAH SAYA BOLEH DAPATKAN BANTUAN DAN PENYELESAIAN?**

- 1) JIKA ANDA MENGALAMI KESUKARAN DALAM MEMBUAT PEMBAYARAN, ANDA HENDAKLAH MENGHUBUNGI KAMI LEBIH AWAL UNTUK MEMBINCANGKAN ALTERNATIF PEMBAYARAN. ANDA BOLEH MENGHUBUNGI KAMI DI:

NAMA CAWANGAN :

ALAMAT :

FAKS : E-MEL :

II) SEBALIKNYA, ANDA BOLEH MENDAPATKAN PERKHIDMATAN AGENSI KAUNSELING DAN PENGURUSAN KREDIT (AKPK), SEBUAH AGENSI YANG DITUBUHKAN OLEH BANK NEGARA MALAYSIA UNTUK MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN PERCUMA PENGURUSAN WANG, KAUNSELING KREDIT, PENDIDIKAN KEWANGAN DAN PENSTRUKTURAN SEMULA HUTANG. ANDA BOLEH MENGHUBUNGI AKPK DI:

TINGKAT 5 DAN 6, MENARA BUMIPUTRA-COMMERCE  
JALAN RAJA LAUT  
50350 KUALA LUMPUR  
TEL : 03-2616 7766 LAMAN WEB: SERVICES.AKPK.ORG.MY

III) JIKA PERTANYAAN ATAU ADUAN ANDA TIDAK DISELESAIKAN OLEH KAMI, ANDA BOLEH MENGHUBUNGI PAUTAN BANK NEGARA MALAYSIA ATAU TELEPAUTAN DI:

BLOCK D, BANK NEGARA MALAYSIA JALAN DATO' ONN  
50480 KUALA LUMPUR  
TEL : 1-300-88-5465  
FAKS : 03-21741515 EMEL : BNMTELELINK@BNM.GOV.MY

**12. DI MANAKAH SAYA BOLEH MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT?**

JIKA ANDA MEMPUNYAI PERTANYAAN LANJUT, SILA HUBUNGI KAMI DI:

CAWANGAN:  
ALAMAT :  
TEL :  
E-MEL:

**PENAFIAN**

MAKLUMAT, TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT DALAM HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK INI ADALAH INDIKATIF DAN TIDAK MENGIKAT TERHADAP BANK. TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT AKHIR DIMASUKKAN DALAM SURAT TAWARAN SELEPAS PENILAIAN KREDIT DAN KELULUSAN AKHIR OLEH BANK.

**NOTA PENTING:**

BANK BERHAK UNTUK MENERUSKAN TINDAKAN UNDANG-UNDANG TERHADAP ANDA JIKA ANDA GAGAL MEMBAYAR BAYARAN ANSURAN BULANAN ANDA ATAS PEMBIAYAAN PERNIAGAAN.

MAKLUMAT YANG DIBERIKAN DALAM HELAIAN PENDEDAHAN INI ADALAH SAH MULAI [month/year]